



BUKU PANDUAN PENGINAPAN PEKERJA

DI BAWAH AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN,
PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990
(AKTA 446)

Terbitan April 2021



Hakcipta terpelihara. Buku Panduan Penginapan Pekerja merupakan dokumen untuk kegunaan orang awam dan boleh dimuat turun dari laman web rasmi Jabatan / Kementerian. Dokumen ini bukan untuk dijual.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan yang timbul akibat penggunaan maklumat yang terdapat dalam penerbitan ini.

Semua maklumat dalam dokumen ini adalah benar dan terpakai pada masa penerbitan.

KANDUNGAN

Prakata	01
Peranan Agensi	02
Senarai Akta dan Peraturan Berkaitan Penginapan Pekerja	03
Jenis-jenis Bangunan untuk Penginapan Pekerja	05
Tanggungjawab Majikan dan Penyedia Penginapan Berpusat	06
Kehendak Minimum Penginapan Pekerja	08
Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 (P.U. (A) 77/2021)	13
Permohonan Perakuan Penginapan	14
Lampiran	
• Proses Kerja Permohonan Perakuan Penginapan Pekerja	20
• Notis Pendudukan	21
• Contoh Akuan Penerimaan Permohonan	27
• Contoh Perakuan Penginapan	29
• Contoh Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Perakuan Penginapan	30
• Contoh Penginapan Pekerja yang Mematuhi Akta 446	32
• Taburan Pekerja Asing dan Penginapan Berpusat	32
• Draf Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Pekerja Secara Jangka Pendek melalui Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	33
Glosari dan Rujukan	36

PRAKATA

Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang dipinda pada tahun 2019 berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 adalah suatu Akta yang ditambah baik daripada Akta asal iaitu Akta Pekerja (Standard-Standard Minimum Perumahan) 1966 yang kemudiannya digantikan dengan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang mula berkuatkuasa pada 30 Ogos 1990.

Buku Panduan ini berperanan sebagai rujukan semua pemegang taruh terutamanya pemain industri yang merangkumi majikan, penyedia penginapan berpusat dan pekerja dalam penyediaan penginapan pekerja yang kondusif, selamat, selesa dan menepati piawaian yang ditetapkan.

Buku Panduan ini bertujuan untuk:

-  Menyediakan panduan kepada majikan dan penyedia penginapan berpusat berhubung perundangan dan kehendak minimum penginapan pekerja yang perlu disediakan;
-  Memberikan kefahaman tentang prosedur dan dokumen yang perlu dikemukakan untuk memohon perakuan penginapan pekerja; dan
-  Meningkatkan pemahaman stakeholders terutamanya pemain industri berhubung piawaian penginapan pekerja di Malaysia.

PERANAN AGENSI



Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertanggungjawab ke atas hal penggajian dan perburuhan di Malaysia.



Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertanggungjawab memastikan pematuhan terhadap piawaian penginapan pekerja melalui Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Akta ini adalah untuk memastikan semua pekerja yang disediakan penginapan tanpa mengira sektor dapat menikmati kemudahan penginapan yang selamat, sihat dan kondusif.



SENARAI AKTA DAN PERATURAN BERKAITAN PENGINAPAN PEKERJA



AKTA

Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]

PERATURAN-PERATURAN

Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat Pekerja) 2020 (P.U.(A) 250/2020)

Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Kadar Sewa atau Caj Maksimum bagi Penginapan) 2020 (P.U.(A) 249/2020)

Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Fi Pemprosesan bagi Permohonan Perakuan Penginapan) 2020 (P.U.(A) 248/2020)

Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Pekerja yang Dikehendaki untuk Disediakan dengan Penginapan) 2021 (P.U.(A) 81/2021)

Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 (P.U. (A) 82/2021)

PEMAKAIAN AKTA

Akta ini terpakai kepada semua majikan dan penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan kepada pekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

DEFINISI

“PENGINAPAN”
mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia.

“ PENYEDIA PENGINAPAN BERPUSET ”
mana-mana orang yang menyediakan dan menguruskan penginapan berpusat dan menyelia perkhidmatan yang disediakan di dalamnya bagi seorang atau lebih majikan, tetapi tidak termasuk majikan yang menyediakan penginapan bagi pekerjanya sendiri.



“PENGINAPAN BERPUSET”
mana-mana bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan.

“ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PENGINAPAN”
mana-mana orang yang dilantik oleh seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat yang bertanggungjawab bagi pengurusan penginapan, serta keselamatan dan kesihatan pekerja dan kemudahan lain di dalam penginapan itu.

JENIS-JENIS BANGUNAN UNTUK PENGINAPAN PEKERJA

Jenis-jenis bangunan yang boleh digunakan sebagai penginapan atau penginapan berpusat adalah:



Lain-lain bangunan bukan kediaman yang diubahsuai bagi kegunaan penginapan dan mendapat kelulusan PBT mengikut standard yang ditetapkan

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN DAN PENYEDIA PENGINAPAN BERPUSAT



PERAKUAN PENGINAPAN

Majikan dan penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan pekerja hendaklah mendapat Perakuan Penginapan daripada JTK sebelum menempatkan pekerja di penginapan tersebut.

Kegagalan berbuat demikian, jika disabitkan kesalahan:



MAJIKAN
Denda tidak melebihi
RM50,000



**PENYEDIA PENGINAPAN
BERPUSAT**
Denda RM50,000.00 dan
penjara 1 tahun atau kedua-duanya



PENGINAPAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan bangunan penginapan yang disediakan mematuhi undang-undang pihak berkuasa tempatan lain seperti kelulusan pembinaan bangunan, keselamatan, perparitan dan saliran sebelum memohon Perakuan Penginapan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja di bawah Akta 446.



NOTIS PENDUDUKAN

Majikan hendaklah melaporkan pendudukan pekerja di penginapan yang disediakan sendiri atau di penginapan berpusat yang disediakan oleh penyedia penginapan berpusat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pekerja menduduki penginapan. Laporan hendaklah dibuat ke JTK berdekatan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian merupakan kesalahan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.



ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI PENGINAPAN

Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang orang yang bertanggungjawab bagi penginapan. Orang tersebut bertanggungjawab ke atas keselamatan, kesejahteraan dan pengurusan penginapan serta kemudahan di penginapan.



PENYELENGGARAAN

Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan penginapan dan penginapan berpusat di selenggara seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

KEHENDAK MINIMUM PENGINAPAN PEKERJA

Penginapan pekerja boleh sama ada disediakan sendiri oleh majikan atau oleh penyedia penginapan berpusat. Setiap penginapan dan penginapan berpusat hendaklah mematuhi Akta 446 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.



KEHENDAK MINIMUM



PENGINAPAN BENTUK DORMITORI

- Satu ruang rehat
- Satu ruang makan dengan kerusi dan meja
- Satu ruang dapur
- 1 Bilik air dan tandas untuk 1: 15 orang pekerja
- Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan ruang tidur
- Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, ruang tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas
- Satu ruang menyidai pakaian
- Satu alat pertolongan cemas
- Satu ruang rehat
- Tong sampah



PENGINAPAN BUKAN BENTUK DORMITORI

- Satu ruang rehat
- Satu ruang makan dengan kerusi dan meja
- Satu ruang dapur
- 1 Bilik air dan tandas untuk 1: 6 orang pekerja
- Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan ruang tidur
- Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, ruang tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas
- Satu ruang menyidai pakaian
- Satu alat pertolongan cemas
- Satu ruang rehat
- Tong sampah



SAIZ KELUASAN LANTAI BAGI BILIK TIDUR DAN RUANG TIDUR




PENGINAPAN BENTUK DORMITORI

3.0 meter persegi
setiap pekerja



PENGINAPAN BUKAN BENTUK DORMITORI

3.6 meter persegi
setiap pekerja



ILUSTRASI PENENTUAN KAPASITI MAKSIMUM PENGINAPAN:



PENGINAPAN BENTUK DORMITORI



- Saiz dormitori / 3 meter ² = Bilangan maksimum pekerja yang boleh ditempatkan di dalam satu bilik asrama/dormitori
- Contoh : $48\text{m}^2/3.0 = 16$ orang pekerja

Semua kemudahan dan ruang dalam penginapan hendaklah digunakan bagi tujuan asalnya sahaja.


Contoh: Ruang dapur, bilik mandi, tandas, dan ruang guna sama, yang sedia ada hendaklah kekal digunakan seperti tujuan asal dan tidak boleh diubah suai.

Sebarang perubahan yang melibatkan kapasiti pendudukan, perlu mendapatkan Perakuan Penginapan semula

ILUSTRASI PENENTUAN KAPASITI MAKSIMUM PENGINAPAN:



PENGINAPAN BUKAN BENTUK DORMITORI



Bilik	Saiz	Kapasiti maksimum
1	$3.03 \text{ m} \times 3.5 \text{ m}$ $= 10.6 \text{ m}^2$	$10.6 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2$ $= 2 \text{ pekerja}$
2	$3.5 \text{ m} \times 3 \text{ m}$ $= 10.5 \text{ m}^2$	$10.5 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2$ $= 2 \text{ pekerja}$
3	$3 \text{ m} \times 2.7 \text{ m}$ $= 8.1 \text{ m}^2$	$8.1 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2$ $= 2 \text{ pekerja}$
KAPASITI MAKSIMUM		6 orang pekerja




KEMUDAHAN YANG TIDAK BOLEH DIKONGSI

Kemudahan berikut adalah wajib bagi setiap pekerja:



Katil : Katil bujang tidak kurang 1.7 meter persegi, dan jika katil 2 tingkat, ruang antara katil ialah 0.7 meter



Tilam tidak kurang 4 inci tebal



Bantal



Selimut



Almari berkunci tidak kurang 0.35m (panjang) x 0.35m (lebar) x 0.9m (tinggi)





BEKALAN AIR DAN ELEKTIRK

Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan bekalan air dan bekalan elektrik dalam penginapan dan penginapan berpusat yang disedikan.



BAYARAN SEWA ATAU CAJ BAGI PENGINAPAN

Jumlah maksimum sewa dan caj bagi penginapan yang boleh dikenakan oleh majikan ke atas pekerja adalah RM100 sebulan dan boleh dibuat melalui potongan gaji.

ORDINAN DARURAT (STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA) (PINDAAN) 2021 (P.U. (A) 77/2021)

Ordinan ini dilulus dan diwartakan pada 26 Februari 2021 dan hanya terpakai dalam tempoh Darurat yang diisytiharkan oleh Kerajaan, dan terpakai di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Ordinan ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dan pegawai yang diletakhakkan kuasa untuk menjalankan tindakan-tindakan tertentu seperti berikut:



SEK. 24 FA

Arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menggantikan, mengubah atau membaiki penginapan atau kemudahan itu dalam tempoh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam notis.



SEK. 24FB

Arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menyediakan pekerja dengan penginapan sementara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam menjalankan penggantian, pengubahan atau pemberian penginapan atau kemudahan dan menanggung kos dan perbelanjaan berkaitan termasuk kos pengangkutan pekerja:

- (a) dari tempat penginapan ke penginapan sementara;
- (b) sewa penginapan sementara; dan
- (c) perjalanan pekerja di antara tempat pekerjaan dan penginapan sementara



SEKSYEN 24C(3)

Arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menanggung apa-apa kos dan perbelanjaan bagi mematuhi Arahan Ketua Pengarah dalam Seksyen 24C(1) dan (2) di bawah Akta 446.

Ordinan ini memperuntukkan denda tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya atau kompaun tidak kurang daripada 50% daripada jumlah maksimum denda.

PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN

PANDUAN MEMBUAT PERAKUAN PENGINAPAN

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian di <https://akta446.mohr.gov.my>. Pemohon perlu memuat turun dan mencetak perakuan penerimaan untuk dikemukakan ke Pejabat Tenaga Kerja terdekat bersama-sama dokumen di senarai semak.

Majikan atau Penyedia Penginapan Berpusat yang mempunyai penginapan pekerja di lokasi alamat berbeza perlu mengemukakan permohonan berasingan bagi setiap alamat penginapan tersebut.

Senarai Semak Permohonan:



Pendaftaran Syarikat (SSM)



i. Perjanjian Sewaan Bangunan dan Cukai Pintu / Cukai Taksiran
(Jika Bangunan Penginapan disewa)

ATAU

ii. Certificate of Fitness (CF) / Certificate of Completion and Compliance (CCC) dan Cukai Pintu / Cukai Taksiran
(Jika Bangunan Penginapan dibina sendiri);

ATAU

iii. Perjanjian Jual Beli dan Cukai Pintu / Cukai Taksiran
(Jika bangunan penginapan dibeli oleh pemohon)



Salinan Surat Kelulusan / Kebenaran daripada PBT (Mana yang berkaitan) :

i. Kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad
(bagi penginapan sementara)

ATAU

ii. Kelulusan Menukar Syarat Bangunan (daripada komersial kepada penginapan contoh Gudang kepada asrama)

ATAU

iii. Kelulusan Ubahsuai Bangunan (jika berkaitan)



Pelan lantai



Gambar luar bangunan



Gambar dalam bangunan:

- Bilik tidur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan;
- Ruang tamu;
- Ruang dapur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan;
- Tandas;
- Bilik air.

FI PEMPROSESAN


Setiap permohonan perakuan penginapan akan dikenakan Fi Pemprosesan seperti berikut:

	PENGINAPAN		PENGINAPAN BERPUSAT
10 pekerja dan kurang		500 pekerja dan kurang	
RM100		RM2,000	
Lebih 10 pekerja		Lebih 500 pekerja	
RM300		RM5,000	

Majikan atau penginapan berpusat perlu memastikan jenis penginapan dan bilangan pekerja yang boleh ditempatkan (kapasiti pekerja) bagi menentukan kadar Fi Pemprosesan yang perlu dibayar semasa permohonan Perakuan Penginapan dikemukakan.

LAMPIRAN

PROSES KERJA PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA



NOTIS PENDUDUKAN



BORANG AC2

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

NOTIS PENDUDUKAN

SEKSYEN 24E(1) AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 [Akta 446]

Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh majikan dan dikemukakan dalam **dua (2) Salinan** setiap kali pekerja ditempatkan di penginapan yang disediakan sendiri atau di mana-mana penginapan berpusat yang disediakan oleh Penyedia Penginapan Berpusat. Borang ini hendaklah dihantar serta diakui terima oleh Pejabat Tenaga Kerja terdekat dalam tempoh **30 hari** dari tarikh pekerja menduduki penginapan atau penginapan berpusat.

Sila ambil perhatian bahawa kegagalan mengemukakan notis ini adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 24E(2) Akta 446 dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Nota:

1. Sila lengkapkan **Bahagian II** dan **Bahagian III** jika majikan menempatkan pekerja di **Penginapan atau Penginapan Berpusat** yang disediakan sendiri.
 2. Sila lengkapkan **Bahagian IV** dan **V** jika majikan menempatkan pekerja di **Penginapan Berpusat yang disediakan oleh Penyedia Penginapan Berpusat**.

BAHAGIAN I

MAKLUMAT MAJIKAN

1. Nama Majikan

2. Alamat Majikan

Poskod

Daerah

Negeri

Bandar

3. No. Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan

4. No. Telefon

No. Faksimili

5 Alamat email

100% TRAVEL BUDGET

BAHAGIAN III

Maklumat pekerja yang ditempatkan di Penginapan atau Penginapan Berpusat yang disediakan sendiri oleh majikan.

* Sila sediakan lampiran berasingan jika ruangan ini tidak mencukupi

Kod Warganegara
MY- Malaysia
CN- China

VN- Vietnam
TH- Thailand

NP – Nepal
PH- Filipina

India
- Pakistan

Myanmar
Kemboja

Bangladesh
Singapura

B1
SC

Indonesia
- Sri Lanka

MY- Mala
CN- China

3

BAHAGIAN IV

Maklumat pendudukan pekerja di Penginapan Berpusat yang disediakan oleh Penyedia Penginapan Berpusat.

14. No. Perakuan Penginapan

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20

15. Nama Penyedia Penginapan Berpusat

Poskod

Daerah

--	--	--	--	--	--

Negeri

Bandar

1

16. Alamat Penginapan Berpusat

Poskod

Daerah

--	--	--	--	--	--

Negeri

Bandar

5

17. Bilangan pekerja sedia ada ditempatkan di Penginapan Berpusat

Pekerja	Tempatan		Asing	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Jumlah				

18. Bilangan pekerja yang baharu ditempatkan di Penginapan Berpusat

Pekerja	Tempatan		Asing	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Jumlah				

BAHAGIAN V

Maklumat pekerja yang baharu ditempatkan di Penginapan Berpusat

* Sila sediakan lampiran berasingan jika ruangan ini tidak mencukupi

Kod Warganegara

ID- Indonesia
LK- Sri Lanka
MY- Malaysia
CN- China

BD- Bangladesh MM - Myanmar IN- India
NP - Ne SG- Singapura KH- Kemboja PK- Pakistan
PH- Filip

VN-Vietnam
TH-Thailand

BAHAGIAN VI: PERAKUAN MAJIKAN

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul.

Cop syarikat

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



AKUAN PENERIMAAN

Tarikh & Masa : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Jabatan

Kod Negeri					
Johor	01	Pahang	06	Terengganu	11
Kedah	02	P. Pinang	07	W. Persekutuan K.L	14
Kelantan	03	Perak	08	W.P Labuan	15
Melaka	04	Perlis	09	W.P Putrajaya	16
N. Sembilan	05	Selangor	10		

CONTOH AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN

3/29/2021

PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN

Permohonan Perakuan Penginapan telah diterima oleh JTKSM;

Maklumat permohonan adalah seperti berikut;

Kategori Pemohon: MAJIKAN

Nama Majikan/Syarikat: SYARIKAT ABC SDN BHD

Alamat Lokasi Penginapan: No 28 Jalan Suka Anta, Shah Alam Selangor

Nama & Nombor Telefon Pegawai Majikan/Syarikat:

Siti Aisyah, 01234567890

No. Rujukan Permohonan: PAC/11001/1/2021/23828

Tarikh Permohonan: 2021-03-29 08:32:00

Cawangan PTK: Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya

Jumlah Yang Dipohon: 8

Biaya Pemprosesan: RM100.00

Sila ambil perhatian bahawa permohonan hanya akan diproses setelah dokumen lengkap beserta biaya pemprosesan dikongsikan kepada cawangan PTK di atas.

Sila hantar dokumen sokongan seperti senarai di bawah kepada cawangan PTK berkenaan pada atau sebelum (2021-03-29). Sagal berbuat demikian akan menyebabkan permohonan terbatal.

BIL	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN	TANDAKAN
A	Pendaftaran Syarikat (SSM)	
B	i. Perjanjian Sewaan Bangunan dan Cukai Pintu / Cukai Taksiran (Jika Bangunan Penginapan disewa); atau ii. Certificate of Fitness (CF) / Certificate of Completion and Compliance (CCC) dan Cukai Pintu/Cukai Taksiran (Jika Bangunan Penginapan dibina sendiri); atau iii. Perjanjian Jual Beli dan Cukai Pintu / Cukai Taksiran (Jika Bangunan Penginapan dibeli oleh pemohon).	

C	Salinan Surat Kelulusan / Kebenaran daripada PBT (Sertakan mana yang berkaitan) : i. Kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad (bagi penginapan sementara); atau ii. Kelulusan Menukar Syarat Bangunan (daripada komersial kepada penginapan contoh Gudang kepada asrama); atau iii. Kelulusan Ubahsuai Bangunan (jika berkaitan)	
D	Pelan lantai (lengkap dengan ukuran dalam meter persegi bagi ruang)	
E	Gambar luar bangunan	
F	Gambar di dalam bangunan : a) Bilik tidur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan b) Ruang tamu c) Ruang dapur dan kemudahan-kemudahan yang disediakan d) Tandas e) Bilik air	

Sekian, terima kasih.

CONTOH

CONTOH PERAKUAN PENGINAPAN

AC1-I

No. Perakuan : AC/10101/2021/0001



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PERAKUAN PENGINAPAN

- Perakuan Penginapan ini dikeluarkan di bawah sekyen 24D(2) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 kepada:

SYARIKAT ABC SDN BHD
Nama Majikan

12345678-ST
No. Pendaftaran Syarikat

Di alamat Penginapan :
**No 28 Jalan Suka Hati, Tampoi Jaya,
81200 Johor Bahru, Johor**

- Perakuan Penginapan sahlaku bagi tempoh 3 tahun sehingga: **22 JANUARI 2024**

- Majikan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Tidak menempatkan pekerja melebihi **20** orang di penginapan ini;
- Syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Berpusat Pekerja) 2020;
- Potongan upah bagi bayaran sewa atau caj untuk penginapan ini adalah sebanyak **RM100** setiap bulan bagi setiap pekerja.
- Majikan mesti melaporkan penutupan operasi penginapan ini.
- Perakuan ini perlulah dipamerkan di dinding luar penginapan premis yang sesuai dan mudah dilihat.

.....

(PENGARAH JTK JOHOR)
b.p. Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Tarikh : **23 Januari 2021**



CONTOH SURAT PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN



JABATAN TENAGA KERJA JOHOR

Tingkat 3 Blok A Wisma Persekutuan
Wisma Jalan Ayer Molek
80000 Johor Bahru
Johor

AC1-L

Telefon : 07-227 5080 / 81 / 82
Telekerja : 07-222 9111
Faksimili : 07-223 2303
Emel : jtknjohor@mohr.gov.my
Web : jtksm.mohr.gov.my

Ruj. Kami : PAC/11001/2021/00001
Tarikh : 23 Januari 2021

SYARIKAT ABC SDN BHD
No 28 Jalan Suka Hati
Tampoi Jaya
81200 Johor Bahru
Johor

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Permohonan Perakuan Penginapan Tuan / Puan **TIDAK DILULUSKAN** atas sebab:

i. Penyediaan kemudahan asas iaitu tilam dan almari berkunci tidak lengkap – kekurangan sebanyak 30unit sedangkan kapasiti dipohon ialah untuk 50 orang.

3. Tuan / Puan boleh membuat permohonan rayuan terhadap keputusan ini dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

a. Surat rasmi permohonan rayuan (beserta justifikasi rayuan);
dan
b. Salinan surat pemberitahuan keputusan.

4. Permohonan rayuan yang dikemukakan melebihi tempoh 30 hari tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN

PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD BIN ABDULLAH)

b.p Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

s.k ;



- i. Ketua Pengarah
- ii. Unit Perakuan Penginapan Ibu Pejabat
- iii. Ketua Pejabat Cawangan Johor Bahru

CONTOH PENGINAPAN PEKERJA YANG MEMATUHI AKTA 446

RUANG TIDUR, BILIK MANDI DAN TANDAS




KEMUDAHAN BILIK SAKIT DAN SURAU



KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI



TABURAN PEKERJA ASING DAN PENGINAPAN BERPUSAT MENGIKUT NEGERI



PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK

ALTERNATIF 1 (A1): PENGINAPAN PEKERJA DI KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA

- i. Majikan boleh menggunakan kaedah penyewaan biasa bagi tujuan penginapan pekerja di dalam kawasan perumahan secara unit individu (bertanah/bertingkat/strata). Salinan Perjanjian Sewaan bersama Senarai Penyewa (pekerja) perlu dikemukakan kepada PBT sebagai pemakluman dan rekod bagi tujuan kawalan dan pemantauan.



Contoh: Saiz Satu Unit Pangaspuri Dan Tampungan Maksima Bilangan Pekerja Yang Dibenarkan Mengikut Akta 446

BILIK	SAIZ BILIK	KAPASITI MAKSIMUM
1	$3.03 \text{ m} \times 3.5 \text{ m} = 10.6 \text{ m}^2$	$10.6 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2 \text{ pekerja}$
2	$3.5 \text{ m} \times 3 \text{ m} = 10.5 \text{ m}^2$	$10.5 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2 \text{ pekerja}$
3	$3 \text{ m} \times 2.7 \text{ m} = 8.1 \text{ m}^2$	$8.1 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2 \text{ pekerja}$

- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :

- Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
- Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah/ PPR/ Mampu Milik;
- Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
- Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
- Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu; dan
- Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu.

ALTERNATIF 2 (A2): ASRAMA PEKERJA DI KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA

- i. Majikan yang mempunyai pekerja yang ramai, kawasan (keseluruhan blok) atau beberapa unit kediaman sedia ada (bertanah/bertingkat/strata) dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada asrama pekerja melalui proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) tempoh terhad.

- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :

- Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
- Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah/ PPR/Mampu Milik;
- Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
- Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
- Perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan JMB bagi kediaman berstrata;
- Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu;
- Pihak majikan digalak menyediakan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja; dan
- Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu.

ALTERNATIF 3 (A3): PENGINAPAN PEKERJA DI UNIT RUMAH KEDAI SEDIA ADA

- i. Majikan boleh menyewa di unit rumah kedai sedia ada bagi tujuan penginapan pekerja. Salinan Perjanjian Sewaan bersama Senarai Penyewa (pekerja) perlu dikemukakan kepada PBT sebagai pemakluman dan rekod bagi tujuan kawalan dan pemantauan.

- ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :

- Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
- Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
- Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
- Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu; dan
- Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu.



ALTERNATIF 4 (A4): PENGINAPAN PEKERJA ATAU ASRAMA PEKERJA DI KEDAI PEJABAT DAN PLOT PERNIAGAAN SEDIA ADA

- i. **Unit kedai pejabat atau plot perniagaan (bertanah/ bertingkat/ strata) sedia ada dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada penginapan pekerja atau asrama pekerja melalui proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) tempoh terhad.**
- ii. **Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :**
- a) Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
 - b) Tidak dibenarkan di unit kediaman kategori Kos Rendah/ PPR/Mampu Milik;
 - c) Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
 - d) Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
 - e) Perlu mendapatkan kebenaran dan persetujuan JMB bagi kediaman berstrata;
 - f) Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu;
 - g) Pihak majikan digalak menyediakan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja; dan
 - h) Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu.



ALTERNATIF 5 (A5): PENGINAPAN PEKERJA ATAU ASRAMA PEKERJA DI PREMIS PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

- i. **Bagi cadangan penempatan pekerja menggunakan kawasan premis perindustrian sedia ada, kawasan atau beberapa unit perindustrian dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada penginapan pekerja atau asrama pekerja melalui proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) tempoh terhad.**
- ii. **Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :**
- a) Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
 - b) Unit perindustrian yang dibenarkan adalah meliputi lot Kilang Teres/Sesebuah (Free Standing Building)/Kilang Berkembar atau Kilang Kluster;
 - c) Hanya dibenarkan dalam kawasan industri kategori sederhana dan ringan;
 - d) Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
 - e) Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
 - f) Pihak majikan digalak menyediakan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja;
 - g) Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu;
 - h) Memastikan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, sistem kumbahan dan pembuangan sisa pepejal yang teratur;
 - i) Bagi cadangan asrama pekerja, kemudahan sokongan seperti kawalan keselamatan, tandas, surau, tempat makan dan dapur perlu disediakan; dan
 - j) Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu.

ALTERNATIF 5 (A5): PENGINAPAN PEKERJA ATAU ASRAMA PEKERJA DI PREMIS PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

- i. **Bagi cadangan penempatan pekerja menggunakan kawasan premis perindustrian sedia ada, kawasan atau beberapa unit perindustrian dibenarkan untuk tukar guna bangunan kepada penginapan pekerja atau asrama pekerja melalui proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) tempoh terhad.**
- ii. **Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh majikan adalah seperti berikut :**
- a) Mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020;
 - b) Unit perindustrian yang dibenarkan adalah meliputi lot Kilang Teres/Sesebuah (Free Standing Building)/Kilang Berkembar atau Kilang Kluster;
 - c) Hanya dibenarkan dalam kawasan industri kategori sederhana dan ringan;
 - d) Bangunan adalah kekal dan telah mendapat CCC daripada PBT;
 - e) Jarak ke tempat kerja (di mana pekerja tersebut bekerja) yang munasabah;
 - f) Pihak majikan digalak menyediakan pengangkutan khas untuk menghantar dan mengambil pekerja;
 - g) Sekiranya melibatkan pengubah suaian dalaman atau luaran unit kediaman sama ada secara minima atau secara besar, ianya perlu memohon kelulusan permit pembinaan kecil atau pelan bangunan (mana-mana berkaitan) daripada PBT mengikut Akta 133 terlebih dahulu;
 - h) Memastikan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, sistem kumbahan dan pembuangan sisa pepejal yang teratur;
 - i) Bagi cadangan asrama pekerja, kemudahan sokongan seperti kawalan keselamatan, tandas, surau, tempat makan dan dapur perlu disediakan; dan
 - j) Memastikan tidak menyebabkan kacau ganggu.

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI PREMIS ATAU UNIT KEDIAMAN DAN RUMAH KEDAI SEDIA ADA

BAGI ALTERNATIF 1(KEDIAMAN), DAN ALTERNATIF 3 (RUMAH KEDAI)

Peringkat 1 :
Majikan & Pemilik Premis
menyelesaikan urusan perjanjian sewa.

Majikan + Pemilik Premis
(Perjanjian Sewa)

Salinan Perjanjian Sewa & Senarai Penyewa (Pekerja)
dikemukakan kepada PBT

Keputusan PBT:
•Lulus; atau
•Tolak

TOLAK

LULUS

Peringkat 2 :
Permohonan di peringkat PBT oleh majikan.

Peringkat 3 :
Kelulusan Perakuan Penginapan di bawah Akta 446 oleh JTK SM.

Sekiranya lulus, PBT akan mengeluarkan Surat Persetujuan

Perakuan Penginapan bawah Akta 446

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI PREMIS ATAU UNIT KEDIAMAN DAN RUMAH KEDAI SEDIA ADA

BAGI ALTERNATIF 2 (KEDIAMAN), ALTERNATIF 4(PERNIAGAAN) DAN ALTERNATIF 5 (INDUSTRI)

Peringkat 1 :
Majikan & Pemilik Premis menyelesaikan urusan perjanjian sewa.
Sekiranya melibatkan lebih dari satu pemilik premis, majikan perlu selesaikan dengan semua pemilik premis terlibat.
Majikan/Pemilik Premis melantik PSP/SP bagi tujuan keperluan mengemukakan permohonan KM/Pelan Bangunan.

Majikan + Pemilik Premis (Perjanjian Sewa)

PSP/SP (*Principal Submitting Person/ Submitting Person*)

OSC 3.0 Plus
(prosedur yang telah ditetapkan di bawah OSC 3.0 Plus)

Keputusan KM tempoh terhad :
Borang C1 : Lulus/ lulus bersyarat; atau Borang C2 : Tolak

LULUS

TOLAK

Peringkat 2 :
Permohonan KM tempoh terhad melalui OSC 3.0 Plus oleh PSP/SP dengan merujuk Manual OSC 3.0 Plus Prosedur dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) yang disediakan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Peringkat 3 :
Kelulusan Perakuan Penginapan di bawah Akta 446 oleh JTK SM.

Sekiranya lulus, PBT akan mengeluarkan Surat Kelulusan

Perakuan Penginapan bawah Akta 446

GLOSARI

Akta 446	Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990
CCC	Sijil Penyiapan dan Pematuhan / Certification of Completion and Compliance
CF	Sijil Perakuan Kelayakan / Certificate of Fitness
CLQ	Penginapan Berpusat / Centralised Labour Quarters
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

RUJUKAN & SUMBER

- Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan pekeliling-pekeling di bawahnya
- Pekeling Perburuhan Bilangan 9 Tahun 2020: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) Pengendalian Permohonan Perakuan Penginapan
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Sumber ikon: flaticon.com

PASUKAN PENYUNTING

PENASIHAT

Dato' Jamil bin Rakon
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

PENYELARAS

Haji Asri bin Ab Rahman
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Haji Mohd Asri bin Abdul Wahab
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JTKSM

T. Shanmugan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan) JTKSM

Haji Yusoff bin Harun
Pengarah (Dasar & Perancangan Strategik) JTKSM

EDITOR

URUS SETIA PASUKAN KERJA PEMATUHAN PENGINAPAN PEKERJA JTKSM

Norlia anak Jawor
Dr. Aida binti Bakar
Junaidah binti Tukiman
Nurul Azura binti Arif
Diyana Ruzanna binti Hamsawi
Nor Azmil bin Mohd Nor Shamsuri

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK JTKSM

Idawati binti Ibus
Irzawina binti Tahir

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN & UNDANG-UNDANG JTKSM

Zaini bin Yaacob
Zairuladira bin Ab Ghani
Zahrahtul Najihah binti Haji Razi

BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN JTKSM

Wan Ismail bin Wan Ibrahim
Suraiya Ch'ng binti Abdullah
Nisbah Awatif binti Md Noh

Kementerian Sumber Manusia
W: mohr.gov.my
E: bilikgerakan446@mohr.gov.my

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
W: jtksm.mohr.gov.my
E: jtksm@mohr.gov.my
